

**Kepimpinan Najib Wajar Dikaji, Dicontohi Oleh Pewaris Kepimpinan Negara - Musa Aman**  
**Bernama**  
**13 September, 2012**

KOTA KINABALU, 13 Sept (Bernama) -- Kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak wajar dikaji dan dicontohi oleh pewaris kepimpinan negara, kata Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman.

Beliau berkata program dan dasar yang dilaksanakan oleh Najib jelas menjurus ke arah mengukuhkan perpaduan, meningkatkan taraf hidup dan membela nasib semua lapisan rakyat bagi mencapai sebuah negara berpendapatan tinggi.

"Kepimpinan merupakan aspek yang sangat penting dalam proses pembangunan negara. Ini kerana sesebuah kerajaan dan negara yang maju dan berjaya tentunya hasil daripada kepimpinan yang mantap dan berkaliber," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Seminar Kepimpinan dan Dasar Najib di Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Sabah dekat sini Khamis.

Teks ucapannya disampaikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Datuk Masidi Manjun.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694416>